



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 28/6/2011 |

Kerajaan luluskan penglibatan dalam sektor korporat

30% wanita pembuat dasar

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 27 Jun
Kerajaan hari ini meluluskan dasar penglibatan sekurang-kurangnya 30 peratus golongan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan dasar tersebut berkata, langkah berkenaan bertujuan meningkatkan bilangan wanita sebagai ahli lembaga pengarah.

Selain itu, dasar berkenaan juga

jelas Najib, bagi memastikan kepakaran, daya saing serta kepimpinan wanita dapat dioptimumkan sekali gus menjurus kepada kepelbagaian dan perangkuman sektor korporat.

Bagi tujuan itu, beliau menjelaskan, pihak korporat khususnya syarikat milik kerajaan (GLC) dan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia diberi tempoh lima tahun untuk memastikan sasaran tersebut tercapai.

"Dasar ini adalah bukti bahawa kerajaan mengiktiraf peranan wanita sebagai golongan yang amat

penting dalam pembangunan dan kesejahteraan negara kerana kita tahu ramai wanita berbakat di negara ini.

"Kerajaan juga percaya dasar ini akan menjadi pemangkin kepada tindakan afirmatif ke arah mencapai kesaksamaan gender dalam sektor korporat," katanya kepada pemberita, di lobi Parliamen di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil serta beberapa tokoh korporat wanita tersohor di negara

ini.

Perdana Menteri berkata, dasar baru itu merupakan kesinambungan kepada dasar serupa yang dilaksanakan di peringkat sektor awam sejak 2004.

Katanya, hasil pelaksanaan dasar serupa di sektor awam, peratusan wanita yang menyandang Jawatan Utama Sektor Awam (JU-SA) telah meningkat kepada 32.3 peratus pada 2010, berbanding hanya 18.8 peratus pada 2004.

Najib menambah, pada masa ini, hanya 91 orang (13 peratus) wanita dilantik sebagai ahli lem-

baga pengarah di syarikat Kementerian Kewangan (diperbadankan).

Sementara itu, daripada 200 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia pula jelas beliau, hanya 7.6 peratus wanita dilantik sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat-syarikat tersebut sehingga November 2010.

"Selain itu, maklumat Bank Negara menunjukkan hanya 45 orang (6 peratus) wanita dilantik sebagai ahli lembaga pengarah di institusi kewangan sehingga April 2011," katanya.